

Pak Lah sudah sedia ambil alih tugas: PM

BM 4 JUL 2002

Oleh Kadir Dikoh, Misiah Taib, Wan Esuriyanti Wan Ahmad,
Nurul Hazren Masitom dan Mohd Aziz Ngah

SUBANG, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti kerana timbalannya itu dipilih oleh Umno sebagai pemimpin kedua parti.

“Saya telah bekerjasama dengan Datuk Abdullah sekian lama dan ada satu masa saya tanya kepada Datuk Abdullah, lama dah juga, sama ada dia sudah bersedia untuk mengambil alih. Beliau menyatakan kesediaannya untuk mengambil alih,” kata Perdana Menteri.

Beliau ditanya mengenai kriteria utama apabila menamakan Abdullah sebagai pengganti, berikutan keputusannya hendak meletakkan jawatan dalam

parti dan kerajaan menjelang Oktober tahun depan.

Memberitahu sidang akhbar se kembalinya daripada bercuti di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, jika diberi peluang menghabiskan ucapan penggulangannya pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno 22 Jun lalu, memang beliau akan menamakan Abdullah sebagai pengganti.

“Memang tradisi dalam Umno, timbalan menggantikan presiden dalam parti dan apabila menggantikan presiden, timbalan juga sebagai ketua parti yang majoriti akan dilantik sebagai Perdana Menteri.

“Saya sendiri sokong pelantikan Datuk Seri Abdul-

lah sebagai Perdana Menteri dan pemangku presiden parti. Perdana Menteri terus (dilantik) tetapi dalam parti sebagai pemangku kerana ia mengikut pemilihan.

“Jadi saya berharap, saya dapat tinggalkan parti secara licin, tiada masalah dan saya bagi pengakuan saya akan turut bekerjasama dalam parti,” katanya.

Ditanya pendapat sesetengah pihak mengenai tempoh peralihan kuasa selama 16 bulan sebagai terlalu lama dan dikhuatiri akan ‘wujud’ dua Perdana Menteri pada satu masa, Dr Mahathir berkata:

“Saya ingat itu tak jadi masalah. Yang jadi sampai 16 bulan itu kerana me-

syuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Saya telah memberi pengakuan kepada ramai juga pemimpin OIC sebab saya akan menyambut mereka ke mesyuarat itu. Jadi tak eloklah kalau saya tak tunaikan janji saya.

“Apabila saya dapati ramai yang tidak bersetuju dengan hasrat saya (nak letak jawatan) dan nak saya teruskan, saya minta pada

mulanya untuk (lanjutan) sebulan, tapi itu tidak diterima.

“Jadi pada keesokan hari (23 Jun) apabila ketua-ketua parti datang ke rumah (Seri Perdana, Putrajaya), pada masa itu saya fikir sebagai satu tanggungjawab saya nak teruskan jadi Pengerusi Pertubuhan Negara Berkecuali (NAM) dan Pengerusi OIC, saya teruskan sehingga 16 bulan, se-

hingga tamat mesyuarat OIC,” katanya.

Cadangan Dr Mahathir menamakan Abdullah sebagai penggantinya dan keputusan mahu bersara selepas Oktober 2003, diumumkan oleh Khalil selepas mesyuarat Khas Majlis Tertinggi (MT) Umno, Selasa lalu.

Keputusan itu kemudian diperakukan oleh mesyuarat Dewan Tertinggi Bari-

san Nasional (BN) pada hari yang sama, dan keesokan harinya pula diperjelaskan pada mesyuarat Kabinet.

Pemimpin parti komponen dan seluruh rakyat menghormati hasrat Dr Mahathir untuk mengundurkan diri dan pada masa yang sama, menyokong cadangannya menamakan Abdullah sebagai pengganti.